

Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu		
1.	Panggilan untuk permohonan	02 Januari, 2018
2.	Sekatan tarikh dikemuka	Tengah malam 12 Februari, 2018
3.	Penilaian oleh Panel Penasihat Industri	13 – 28 Februari, 2018
4.	Kelulusan oleh Jawatankuasa Penasihat Eksekutif	05 – 16 Mac, 2018
5.	Makluman kepada penerima	20 Mac, 2018
6.	Makluman melalui media	27 Mac, 2018

Pengenalan: Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu

Sebagai sebahagian daripada tonggak strategi CENDANA dalam ‘Memperkasa Komuniti’, **Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu** ini menyokong karya ciptaan, adaptasi atau pembangunan semula kandungan artistik yang tersendiri untuk seni persembahan, seni visual dan musik indie. Melalui proses penciptaan yang rapi dan bersungguh-sungguh, kami berhasrat melebarkan lingkungan karya-karya berkualiti yang melibatkan penonton di Malaysia dan di luar negara.

Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu adalah sehingga RM30,000 untuk setiap permohonan dan merangkumi perbelanjaan langsung bagi proses penciptaan dan pembangunan karya.

Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu menawarkan sehingga RM30,000 (Ringgit Malaysia tiga puluh ribu sahaja) untuk setiap permohonan, dan merangkumi perbelanjaan langsung bagi proses penciptaan dan pembangunan karya.

Seni Persembahan	Seni Visual	Musik Indie
Seni tradisional atau kontemporari yang meliputi teater, tari dan musik (seperti pergendangan, koir).	Seramik, lakaran, lukisan, seni arca, cetakan, rekabentuk, fotografi.	Musik yang diterbitkan secara bebas daripada syarikat rakaman komersial utama atau anak syarikatnya.

Penerima Biayaan

- Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap dengan penglibatan aktif dalam sektor seni budaya Malaysia selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- Mereka yang kritikal dalam pembangunan seni persembahan, seni visual dan musik indie, seperti artis, koreografer, penggubah lagu, penari, pengarah, pemusik dan penulis. Permohonan boleh dibuat secara individu atau kumpulan. Bagaimanapun, pemohon utama bertanggungjawab sepenuhnya dalam pentadbiran permohonan berkenaan secara menyeluruh.
- Kerjasama dengan artis dan para individu atau kumpulan yang kreatif dari Malaysia Timur adalah digalakkan.

- Kumpulan yang ahlinya termasuk bukan warganegara Malaysia juga layak memohon dengan syarat bilangan ahli bukan warganegara Malaysia hendaklah tidak melebihi separuh daripada jumlah ahli kumpulan.

Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu merangkumi perbelanjaan langsung proses penciptaan dan pembangunan karya, termasuk kos:

- Fi profesional bagi artis/gabungan
- Fi juruperunding dramaturge/mentor/kurator
- Kos pembangunan termasuk sewa ruang latihan serta perundingan penyelidikan dan penulisan
- Perbelanjaan bagi kerja-kerja eksperimen/bengkel/peralatan dan bahan-bahan
- Kos persembahan mini

Program ini juga meliputi kos akses individu yang pekak atau kurang upaya atau bermasalah dalam pembelajaran yang memerlukan kos tambahan berkaitan bagi membantu dalam mengurus projeknya.

Program Pembiayaan Inkubasi Artis Baharu menyokong proses penciptaan karya dan hendaklah disiapkan dalam masa 12 (dua belas) bulan dan termasuk:

- Karya baru yang asli; atau
- Adaptasi atau pembangunan semula karya dalam disiplin artistik, dengan keutamaan kepada karya yang berkaitan dengan kandungan Malaysia

Hasil daripada tahap penciptaan hendaklah asli, skrip penuh/tayangan skrin/skor/pembacaan/pameran/persembahan langsung sedutan karya.

Persembahan mini hendaklah juga diadakan untuk pihak penerbitan dan pihak pengacaraan yang berpotensi, diikuti dengan perbincangan pasca-persembahan. Anda akan diminta untuk mempamerkan atau mementaskan karya dan/atau mengongsikan pengetahuan yang diperoleh dengan komuniti di Kuala Lumpur jika anda seorang artis atau organisasi seni yang berpusat di luar Kuala Lumpur.

Proses Permohonan

Sokongan biayaan dianugerahkan melalui proses penilaian berdayasaing yang tinggi oleh Panel Penasihat Industri dan Jawatankuasa Penasihat Eksekutif. Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut melalui jawatankuasa, serta kekuatan bahan sokongan yang berkaitan yang dikemukakan.

A. Merit Artistik Cadangan

- Visi, ide dan rasional artistik
- Tahap inovasi, cita-cita, eksperimentasi atau pengambilan risiko
- Proses penciptaan yang jelas artikulasinya

B. Sumbangan Terhadap Senario Seni Malaysia dan Legasi Artistik

- Kaitan kepada Malaysia
- Sumbangan kepada ekspresi budaya yang pelbagai
- Memberi ruang penglibatan dengan penonton melalui pendedahan perspektif yang berbeza, atau menggalakkan peningkatan pemahaman terhadap seni

C. Kaliber dan Kecekapan Pemohon

Telah didemonstrasikan selama tiga tahun dalam sumbangan kepada pembangunan seni dan budaya.

Bukti sokongan yang perlu untuk melaksana dan menyiapkan cadangan karya ditunjukkan melalui artikulasi cadangan yang jelas

- Pencapaian lampau yang menunjukkan merit artistik yang kuat dan nilai produksi yang tinggi, dan dikenali secara kritikal dalam senario seni Malaysia

D. Pengurusan

Mengemuka bajet yang terperinci termasuk kos dokumentasi dan kerja-kerja perkongsian/persembahan

- Mengemuka jangkamasa terperinci termasuk jenis dan metodologi dokumentasi
- Menyenarai rakan kongsi dan peranan khusus mereka termasuk bukti-bukti penglibatan dan iltizam
- Melibatkan amalan-amalan terbaik dalam lingkungan penghasilan dan pendokumentasian data serta perkongsian dalam media sosial

E. Kaitan Dengan Matlamat CENDANA

F. Memberi Output

- Ia patut dapat menunaikan output ekonomi. Pihak kami boleh menjejaki berdasarkan dapatan data.

Nota tambahan:

Sila nyatakan juga bagaimana karya/projek kreatif tersebut:

- membangun atau melebarkan amalan kreatif pemohon
- menyumbang kepada ekspresi artistik yang pelbagai dalam lingkungan amalan-amalan seni pemohon
- membina atau membangun kolaborasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- mewujudkan peluang untuk pembangunan seni atau artis yang terlibat
- bergantung kepada kesesuaian, melibatkan para belia dalam penciptaan karya

Nota Berkenaan Panduan Biayaan

Sementara pihak kami mempromosi dan membangun seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengeluarkan biaya awam selaras dengan dasar-dasar Kerajaan, CENDANA perlu memberi keutamaan kepada cadangan-cadangan yang tidak:

- Memperakukan atau melobi gaya hidup yang dilihat sebagai dibantah oleh orang awam;
- Mencela atau menjatuhkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan kaum atau agama, atau mewujudkan konflik atau ketidaksefahaman dalam kalangan masyarakat yang pelbagai budaya dan agama;
- Melemahkan kuasa atau hak Kerajaan dan institusi awam, atau mengancam keselamatan dan kestabilan negara.

Pihak kami tidak dapat menyokong aktiviti seni yang

- tidak melibatkan atau tidak memberi manfaat kepada para artis yang berkarya atau para petugas seni;
- tidak mempunyai komponen seni yang jelas definisinya;
- telah bermula sebelum permohonan dikemukakan;
- tidak mempunyai komponen seni yang jelas definisinya, termasuk projek yang tujuan utamanya adalah mempromosi agama;
- dianjurkan di venue keagamaan;
- tidak untuk maksud penggunaan awam;
- bertujuan untuk maksud mengisi tabung kewangan;
- dipersembahkan di bawah kelolaan sekolah atau institusi pembelajaran, atau sebahagian daripada kurikulumnya;
- bertujuan untuk maksud akademik secara khusus;
- (bergantung kepada kesesuaian) tidak mendapat lesen perniagaan yang diperlukan.

Perbelanjaan yang tidak layak termasuk:

- Perbelanjaan asas termasuk ubahsuai bangunan atau pejabat;
- Pembelian peralatan (seperti komputer riba, mesin pencetak, alat musik, dan sebagainya);
- Persidangan dan penyelidikan akademik, bengkel dan pembangunan mengajar dan bahan yang khusus untuk kursus-kursus akademi;
- Kos-kos publisiti